

17 DEC 2000

Abdullah-Tuduhan

PEMIMPIN UMNO SEMUA PERINGKAT DIARAH TANGKIS TOMAHAN PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan pemimpin Umno di semua peringkat turun padang untuk menangkis tohmahan yang dibuat oleh pembangkang terhadap Umno dan kepimpinannya.

"Kita perlu turun padang untuk memberi penerangan kerana banyak cerita yang telah dihebahkan atau direka oleh mereka (pembangkang) yang menentang Dr Mahathir Mohamad secara peribadi.

"Ini tentu menyebabkan ahli Umno tak senang hati dan mereka pun tertanya-tanya serta hendakkan maklumat yang sebenarnya," katanya ketika ditanya mengenai tindakan pembangkang yang sering melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Perdana Menteri.

Abdullah ditemui pemberita selepas merasmikan konvensyen Persekutuan Sedunia Persatuan Foochow Keenam di sini. Konvensyen sehari itu dihadiri oleh wakil daripada 46 persatuan Foochow dari seluruh negara dan delegasi daripada 22 negara termasuk dari Amerika, Kanada, Australia, New Zealand, negara-negara Eropah dan Asean.

Beliau berkata tindakan pembangkang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Umno dan kepimpinannya hanya bertujuan untuk merosakkan parti dan perpaduan Melayu.

Abdullah berkata kepimpinan Umno tidak akan membiarkan mana-mana pemimpinnya diperkecil dan dipermainkan untuk kepentingan politik sempit pembangkang.

"Pendekatan yang diambil oleh pihak pembangkang mengutuk atau menghentam Dr Mahathir hanya satu perbuatan untuk merosakkan Umno.

"Mereka (pembangkang) berpendapat, kalau kepala diketuk, maka badan akan jadi lemah, akan tidak bermaya mungkin badan itu akan mati. Kalau itu andaian mereka, mereka akan hampa," katanya

Ditanya mengenai kritikan oleh anggota Umno sendiri terhadap pemimpin-pemimpinnya, Abdullah berkata kritikan itu perlu bertempat dan dengan sikap bermuasyawarah untuk kebaikan parti.

-- BERNAMA

APG ES MAI